



UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA

Akademi  
Pengajian Bahasa **Unleashing Potentials**  
**Shaping the Future**

E-ISSN: 2682-7948



# Bulletin APB EDISI 11

NOVEMBER 2023

AKADEMI PENGAJIAN BAHASA  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN  
KAMPUS SEREMBAN



# Program Penyelidikan Muamalat Wanita Muslimah

SUHAILA SHARIL  
UiTM KAMPUS REMBAU



e-Poster Program Penyelidikan Muamalat Wanita Muslimah

Pada 9 September 2023, telah dilancarkan satu program bertajuk Program Penyelidikan Muamalat Wanita Muslimah yang diadakan di Masjid Kariah Kampung Kundur Hilir, Pedas Negeri Sembilan. Program ini telah dihadiri oleh 57 orang peserta wanita daripada daerah Kota, Lubuk China dan Pedas. Program bermula pada jam 8.30 pagi sehingga 5 petang telah dianjurkan oleh Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan dengan kerjasama Yakin Global Hub dan AR Akademi.

Program selama sehari ini disampaikan oleh Ustazah Aishah Rosli dan dirasmikan oleh Ustaz Ahmad Azlan Bin Raihan. Terdapat 3 Modul yang berpandukan kepada Kitab Syarah Matan Umm Al-Barahin (Kitab Aqidah Al-Kubra). Modul - modul tersebut adalah:

- 1.Modul Wanita dan Akidah
- 2.Modul Wanita dan Syariat
- 3.Adab Wanita

Kitab ini membicarakan disiplin ilmu Aqidah yang masih digunakan dan dijadikan bahan pengajaran untuk kanak-kanak sehingga dewasa serta membahaskan tentang ilmu berkaitan al-ilahiyyat (ketuhanan) dan an-Nubuwwat (kenabian) dengan disertakan dalil aqli, naqli, hadis dan ijma'. Di dalam kitab ini, Imam al-Sanusi membahaskan hukum akal terbahagi kepada 3 bahagian iaitu

- a. Wajib menurut akal
- b. Mustahil menurut akal
- c. Harus menurut akal

Selain itu, terdapat 7 sifat yang dinamakan dengan sifat ma'nawiyyah iaitu:

- Keadaan Allah yang berkuasa
- Yang Berkehendak
- Yang Mengetahui
- Yang Hidup
- Yang Mendengar
- Yang Melihat
- Yang Berkata-kata

Terdapat juga adab-adab yang dijelaskan oleh penceramah antaranya

- a. Adab dengan Allah
- b. Adan dengan guru
- c. Adab dengan murid
- d. Adab imam dan maknum

Beliau juga mengutarakan cabaran-cabaran dalam solat terutamanya bagi wanita yang bermusafir dan terdapat pelbagai persoalan yang diajukan oleh peserta antaranya adalah solat ketika kenderaan bergerak, solat ketika menaiki komuter, solat ketika menempuh perjalanan yang jem dan solat ketika mana di medan peperangan. Di samping itu,

terdapat juga cabutan bertuah menanti peserta dengan 20 hadiah disediakan. Program Penyelidikan Muamalat Wanita Muslimah diakhiri dengan sesi bergambar bersama pihak pengurusan Masjid Kariah Kundur Hilir, penceramah dan peserta. Peserta dijemput menikmati juadah yang disediakan oleh pihak penganjur. Semoga sesi ini memberi manfaat kepada semua yang hadir untuk menimba ilmu.



57 peserta sedang mendengar ucapan perasmian oleh Ustaz Ahmad Azlan Bin Raihan



Majlis penyampaian cenderahati kepada Jabatan Mufti Kerajaan Negeri Sembilan